

26 JUN 2000

ASM-Habis

PNB YAKIN JUAL BAKI SAHAM ASM SEPANJANG ROADSHOW

IPOH, 26 Jun (Bernama) -- Permodalan Nasional Berhad (PNB) yakin dapat menghabiskan lebih 400 juta unit saham Amanah Saham Malaysia (ASM) sebaik sahaja "roadshow" mengenai skim itu selesai di Johor dalam tempoh beberapa bulan ini.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata sehingga kini sejumlah 2.53 bilion unit saham yang berharga RM1 seunit itu telah terjual sejak ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April lepas.

Ketika dilancarkan saiz dana keenam PNB itu hanya RM2 bilion tetapi ditambah lagi RM1 bilion apabila dana asal yang dilancarkan habis dilanggni dalam tempoh 20 hari.

Ketika ditemui pemberita selepas pelancaran skim itu peringkat negeri Perak di sini, Hamad Kama Piah berkata sehingga kini PNB telah menjelajah 11 negeri untuk memperkenalkan skim ASM.

"Tinggal dua lagi negeri yang belum kita pergi iaitu Pahang dan Johor dan kita yakin dapat habiskan unit yang disediakan apabila promosi dibuat di kedua-dua negeri itu," katanya.

Beliau berkata sehingga kini Selangor mendahului negeri-negeri lain dengan jumlah pelaburan ASM sebanyak RM451 juta melibatkan 50,107 orang.

Ini diikuti dengan Sarawak dengan jumlah pelaburan RM401 juta dan pelabur sebanyak 35,419 orang, Wilayah Persekutuan (RM332 juta pelaburan; 37,870 pelabur), Sabah (RM265 juta pelaburan; 26,436 pelabur) dan Perak (RM211 juta pelaburan; 29,736 pelabur).

Beliau turut berkata skim amanah yang baru akan diperkenalkan sebaik sahaja dana ASM habis dilanggni.

"Kita sedang mengkaji masa yang sesuai," katanya yang tidak menolak kemungkinan besar PNB akan melancarkan Dana Amanah Pendidikan Kanak-kanak seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Beliau enggan menyatakan sama ada skim baru itu akan dilancarkan tahun ini tetapi berkata kajian mengenai perkara itu telah siap dan ia banyak bergantung kepada prestasi pembelian skim ASM.

"Yang pentingnya kita habiskan dahulu unit yang ditawarkan melalui ASM," katanya.

Pelancaran skim ASM peringkat negeri Perak dirasmikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

-- BERNAMA

HJ NMO